

31/08/1998

Pertahan kemerdekaan (HL)

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak rakyat berganding bahu dengan kerajaan untuk memulihkan ekonomi demi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak boleh bergantung sama sekali kepada bantuan orang asing bagi memulihkan masalah ekonomi negara sekarang.

"Kita mesti berusaha sendiri untuk memulihkan ekonomi negara dan mempertahankan kedaulatan serta kemerdekaan kita.

"Rakyat Malaysia harus menerima hakikat bahawa mereka mesti bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pengurusan negara," katanya dalam perutusan sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-41 yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan semua stesen televisyen tempatan, malam ini.

Sambutan Hari Kebangsaan peringkat nasional tahun ini bertemakan 'Negara Kita Tanggungjawab Kita', diraikan di Pulau Pinang. Tepat jam 12 tengah malam ini, Dr Mahathir menaikkan bendera Jalur Gemilang di Esplanade, Pulau Pinang.

Sebelum itu, pada sebelah petang, Dr Mahathir mengetuai konvoi EON Jambatan Pulau Pinang Pandu Proton Merdeka bersama 2,713 pemandu kereta jenis Proton.

Dr Mahathir memandu kereta replika Proton Wira yang menyertai ekspedisi Kutub Utara awal tahun ini, untuk melintasi Jambatan Pulau Pinang dan konvoi yang terpanjang di dunia itu akan dicatat dalam 'Malaysia Book of Records' dan 'Guinness Book of World Records'.

Dalam perutusannya, Perdana Menteri berkata, percubaan menghancurkan ekonomi Malaysia melalui serangan ke atas mata wang dan pasaran saham serta usaha 'kuasa pasaran' yang kononnya ingin mendisiplinkan kerajaan, hampir berjaya sehingga negara hampir tersungkur.

"Mereka cuba memecahkan perpaduan rakyat dan sokongan mereka kepada kerajaan. Mereka juga sengaja cuba mematahkan sebarang usaha yang diambil oleh kita bagi memulihkan ekonomi negara.

Sambil mengakui memang wujud percubaan untuk mencetuskan rusuhan kaum baru-baru ini melalui Internet, beliau berkata, masalah itu bagaimanapun dapat ditumpaskan walaupun ramai yang terpengaruh.

Justeru, beliau memberi amaran kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap sesiapa jua yang cuba menghasut untuk mencetuskan rusuhan kaum di negara ini.

"Malah, desakan pihak asing supaya dihapuskan undang-undang ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri) adalah kerana mereka ingin melihat kestabilan negara kita digawatkan dengan rusuhan kaum," katanya.

Dr Mahathir berkata, selain kestabilan politik dan hubungan kaum, rakyat juga perlu menentukan agar tidak ada tindakan perusahaan di negara ini dengan masyarakat pekerja dan kesatuan sekerja harus bertanggungjawab dan tidak lagi mengeruhkan keadaan dalam kegawatan ekonomi.

(END)